

Mekanisme *al-Khiyar* Sebagai Remedi Perlindungan Pasca Kontrak

BITARA

Volume 6, Issue 2, 2023: 248-262
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 19 April 2023
Accepted: 9 May 2023
Published: 30 June 2023

[The Mechanism of *al-Khiyar* as a Post-Contract Protection Remedy]

Shofian Ahmad¹*

¹ Pusat kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

*Corresponding Author: shofian@ukm.edu.my

Abstrak

Melindungi kepentingan pihak-pihak yang berkontrak menjadi objektif utama dalam undang-undang kontrak dan juga syariat Islam. Ini kerana tujuan sesebuah kontrak dilakukan adalah untuk memenuhi keperluan pihak berkontrak seperti mana yang mereka harapkan ia berlaku. Sebarang usaha untuk memanipulasikan hak mereka akan diberi pembelaan dan perlindungan tertentu dalam undang-undang mahupun Islam. Para ulama telah menggariskan peraturan tertentu untuk melindungi pihak berkontrak. Antaranya adalah melalui remedii *al-khiyar*. Artikel ini membincangkan jenis-jenis *al-khiyar* dan perannya dalam melindungi pihak berkontrak di peringkat pasca kontrak. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah deduktif dengan menganalisis pandangan sarjana Islam berkaitan *al-khiyar* sebagai remedii pilihan sendiri yang melindungi pihak-pihak berkontrak. Hasil daripada kajian ini mendapati sesetengah jenis *al-khiyar* menjadi remedii ketika proses pra kontrak. Remedii seperti ini dapat menyeimbangkan kuasa berunding antara pihak-pihak yang berkontrak. Manakala sesetengah jenis *al-khiyar* pula sesuai dijadikan remedii pasca kontrak yang dapat melindungi hak pihak-pihak yang terkilan dalam berkontrak. Secara umumnya mekanisme *al-khiyar* merupakan suatu remedii berbentuk pilihan sendiri yang terdapat dalam Islam. Dapatkan daripada kajian ini dapat dijadikan cadangan untuk menambah baik usaha perlindungan pihak berkontrak pada masa kini yang semakin mencabar dan kompleks.

Kata kunci: *al-khiyar*, remedii pilihan sendiri, pasca kontrak, perlindungan pihak berkontrak, Islam

Abstract

Protecting the interests of contracting parties is the main objective in contract law as well as Islamic law. This is because the purpose of a contract is to meet the contracting party's needs as they expect it to happen. Any attempt to manipulate their rights will be given certain defenses and protections in both Islamic and Islamic law. Scholars have outlined certain regulations to protect contracting parties. Among them are the remedies of *al-khiyar*. This article discusses the types of *al-khiyar* and their role in protecting contractors at the post-contract level. This qualitative study uses a deductive method by analyzing the views of Islamic scholars regarding *al-khiyar* as a self-choice remedy that protects contracting parties. The results of this study found that some types of *al-khiyar* became remedies during the pre-contract process. Such remedies can balance the negotiating power between contracting parties. While some types of *al-khiyar* are also suitable as post-contract remedies that can protect the rights of the parties involved in the contract. In general, the mechanism of *al-khiyar* is a self-chosen remedy found in Islam. The findings from this study can be used as a suggestion to improve the protection efforts of contractors in an increasingly challenging and complex era.

Keywords: *al-khiyar, self-help remedies, post-contract, protection of contracting parties, Islamic view*

Cite This Article:

Shofian Ahmad. (2023). Mekanisme al-Khiyar Sebagai Remedi Perlindungan Pasca Kontrak [The Mechanism of *al-Khiyar* as a Post-Contract Protection Remedy]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(2): 248-262.

Pengenalan

Ibn Abidin (1979) salah seorang fuqaha Hanafiyyah menyatakan sifat *luzum* atau ‘mengikat’ pada sesbuah kontrak hanya terbentuk selepas sempurna proses antara *ijab* dan *qabul* dan kontrak tersebut juga bebas daripada pensyaratannya hak *al-khiyar* (Sesetengah fuqaha Shafi‘iyah menambah, sifat *luzum* pada sesbuah kontrak hanya berlaku setelah kedua belah pihak berkontrak berpisah daripada majlis kontrak tersebut (al-Khin 2007). Kewujudan *al-khiyar* dalam sesbuah kontrak menjadikannya tidak mengikat (*luzum*), walaupun setelah kontrak tersebut disempurnakan *ijab* dan *kabulnya*. Hukum *luzum* atau mengikat ini adalah penting untuk menjamin objektif pihak-pihak yang berkontrak tercapai selepas sempurna kontrak. Ini kerana selagi kontrak belum bersifat mengikat, ia boleh dibubarkan pada bila-bila waktu. Walau bagaimanapun dalam situasi tertentu, sifat mengikat ini boleh dicabar oleh pihak lain melalui dakwaan terdapat kecacatan pada kontrak tersebut yang hanya diketahuinya selepas berkontrak. Dengan itu, pihak yang terkilan tersebut akan diberikan hak remedii tertentu yang boleh dituntut untuk menjamin haknya dalam kontrak berkenaan.

Undang-undang kontrak moden turut menerima konsep *luzum* atau mengikat ini. Akta Kontrak 1950 menganggap kontrak yang telah terbentuk dan sempurna sebagai telah mencapai persetujuan pihak berkontrak, sama ada persetujuan tersebut secara nyata ataupun disifatkan telah mencapai persetujuan tersebut. Dengan persetujuan tersebut, mereka wajib menanggung segala tuntutan-tuntutan yang timbul daripada kontrak tersebut, seperti penyerahan dan penerimaan objek kontrak. Begitu juga undang-undang kontrak moden turut menerima konsep *luzum*, di mana undang-undang menganggap bahawa perlaksanaan kontrak dengan sebaik-baiknya akan melepaskan kewajipannya, di mana pihak berkontrak tidak diwajibkan lagi membuat apa-apa bayaran atau melaksanakan apa-apa kewajipan setelah kontrak dilaksanakan dengan sempurna (Stone 1997; S.M Nor Alam 1998).

Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu anggapan mengikat atau *luzum* ini boleh digugat melalui dakwaan pihak lain bahawa terdapat kecacatan pada kontrak tersebut yang hanya diketahuinya selepas kontrak. Hal ini menjadikan kontrak tersebut tidak sempurna, dan pihak yang berkenaan masih tidak terlepas dari tanggungjawab kontrak seperti yang dipersetujui ketika kontrak. Hanya setelah sesbuah kontrak menjadi benar-benar *luzum*, maka barulah segala tanggungjawabnya akan tergugur.

Untuk mengatasi masalah tersebut, Islam telah menyediakan beberapa mekanisme atau remedii yang boleh dituntut oleh pihak tertentu bagi menebus ketidakadilan atau ketidakpuasan hati yang terjadi selepas kontrak. Antara remedii tersebut adalah *al-khiyar*. *Al-Khiyar* mempunyai pelbagai jenis dan objektif. Sebahagian jenis *al-khiyar* adalah untuk melindungi pihak berkontrak di peringkat pra kontrak iaitu ketika mereka mahu atau sedang melakukan kontrak. Sebahagian jenis *al-khiyar* lain pula berperanan melindungi mereka selepas kontrak

atau dikenali sebagai pasca kontrak. Walau apa jenisnya, *al-khiyar* merupakan satu remedi pilihan sendiri dalam syariat Islam.

Remedi Pilihan Sendiri

Remedi bermaksud penyelesaian bagi mengatasi sesuatu kerugian atau kehilangan yang dihadapi oleh seseorang dalam kontrak apabila berlaku kemungkiran atau pelanggaran dalam kontrak tersebut. Ia merupakan suatu hak yang boleh dituntut oleh satu pihak terhadap pihak lain yang telah melakukan pelanggaran kontrak. Remedi merupakan sebahagian daripada usaha perlindungan kepada pihak yang lemah bagi menjamin daripada ketidaklaksanaan secara sempurna oleh pihak lain terhadap terma-terma kontrak yang dipersetujui (Siti Norfaizah 2020).

Terdapat dua bentuk remedi yang berperanan sebagai alat tebus rugi di atas ketidaklaksanaan kontrak secara sempurna selepas kontrak, iaitu: remedi pilihan sendiri (*self-help remedies*) dan remedi secara perundangan (*judicial remedies*).

Konsep *al-khiyar* yang dibincangkan dalam kitab-kitab fiqh merupakan satu bentuk remedi dan ia adalah pilihan sendiri yang boleh diambil oleh pihak berkontrak untuk melindungi kepentingan mereka selepas kontrak atau pasca kontrak. *Al-khiyar* dikategorikan sebagai remedi pilihan sendiri kerana ia boleh diambil sendiri oleh pihak yang berkontrak terhadap pihak yang melakukan kemungkiran, tanpa perlu melalui proses mahkamah atau perundangan yang panjang dan rumit. Dengan kata lain hak *al-khiyar* diberikan secara langsung oleh syarak kepada peserta kontrak untuk melindungi hak-hak mereka. Kewujudan remedi *al-khiyar* ini memperlihatkan kesungguhan Islam dalam melindungi kebijakan dan kepentingan pihak berkontrak secara berterusan, sehingga dipastikan kontrak yang mereka masuki benar-benar memenuhi matlamat dan harapan mereka.

Hak *al-Khiyar*

Al-Khiyar adalah satu bentuk hak yang terdapat dalam kontrak menurut Islam. Ia bermaksud hak untuk memilih sama ada untuk meneruskan kontrak atau membubarkannya. *Al-Khiyar* mempunyai beberapa tujuan antaranya, ialah untuk memberi tempoh masa berfikir yang cukup kepada kedua belah pihak berkontrak sepanjang mereka berada dalam majlis kontrak tersebut. Para fuqaha menamakan *al-khiyar* berdasarkan tujuan ini sebagai *khiyar al-tarawwi*. *Tarawwi* bermaksud berfikir atau meneliti sebelum membuat sesuatu keputusan (al-Fayruz Abadi 1987; Jubran Mas'ud 1990). Justeru hak *khiyar* jenis ini tidak terikat dengan syarat wujud kecacatan atau kemungkiran. Malah ia merupakan hak mutlak yang diberikan oleh syarak kepada pihak-pihak berkontrak selama mana mereka berada di dalam majlis kontrak tersebut. Oleh yang demikian pihak-pihak yang berkontrak boleh memilih untuk membubarkan kontrak yang mereka telah meterai, selama mana mereka masih berada dalam majlis kontrak, walaupun tanpa wujud kecacatan atau kemungkiran tertentu pada kontrak tersebut.

Selain bertujuan memberi tempoh masa berfikir yang cukup, pensyariatan *al-khiyar* juga adalah untuk menjadi satu bentuk remedи ke atas pihak lain yang melakukan kemungkiran dalam kontrak tersebut. Para fuqaha menamakan jenis ini sebagai *khiyar naqisah* (al-Ghazali

1979). *Naqisah* bermaksud kekurangan atau kecacatan (al-Fayruz Abadi 1987; Jubran Mas'ud 1990). Dalam istilah undang-undang kontrak moden, kekurangan dan kecacatan ini dikenali sebagai kemungkiran. Justeru hak *khiyar al-naqisah* ini hanya diperolehi oleh pihak yang berkontrak apabila wujud kemungkiran pada kontrak tersebut, seperti kekurangan atau kecacatan pada barang atau pada lain-lain terma umum. Oleh itu *khiyar al-naqisah* berbeza dengan *khiyar al-tarawwi* kerana ia hanya boleh diperolehi oleh pihak yang berkontrak apabila terdapat kecacatan atau kemungkiran dalam kontrak tersebut. Dengan kata lain *khiyar al-naqisah* menjadi satu bentuk remedи ke atas pihak lain selepas termeterainya sesebuah kontrak (pasca kontrak).

Berdasarkan perbezaan kedua-dua jenis *khiyar* tersebut, dapat dilihat skop dan peranan kedua-duanya yang berbeza dalam melindungi pihak berkontrak, di mana *khiyar tarawwi* melindungi mereka ketika proses kontrak tersebut sedang dijalankan. Caranya dengan memberikan mereka tempoh masa yang sesuai kepada pihak yang berkontrak untuk membuat pilihan semasa keberadaan mereka di dalam majlis kontrak tersebut.-. Manakala *khiyar naqisah* pula melindungi mereka daripada kecacatan atau kemungkiran tersembunyi yang diketahui selepas sempurna *ijab* dan *qabul* dan selepas mereka berpisah daripada majlis kontrak. Kedua-dua *khiyar* ini mempunyai pecahan jenis-jenis lain yang terperinci di bawah kategorinya.

Untuk perbincangan di sini, hanya *khiyar al-naqisah* sahaja akan ditumpukan kerana ia melindungi pihak berkontrak selepas sempurna kontrak tersebut atau dikenali sebagai pasca akad. Menurut al-Ghazali (1979), hak *khiyar al-naqisah* diperolehi sama ada dengan sebab luput perkara yang disangkakan atau tidak berlaku seperti yang disangkakan semasa kontrak. Berdasarkan definisi al-Ghazali tersebut, dua faktor utama yang menyebabkan pihak terkilan memperoleh hak *khiyar naqisah* ini iaitu: kecacatan dan kemungkiran. Kecacatan lebih umum berbanding kemungkiran, di mana semua kecacatan pada barang dianggap kemungkiran. Tetapi tidak semua kemungkiran berbentuk kecacatan pada barang. Kemungkiran boleh berlaku dalam bentuk menyalahi jaminan lisan (*khalf lafzi*), atau perbuatan yang memperdayakan pihak lain (*taghrir fi 'li*), atau kemungkiran yang berdasarkan penilaian '*urf (qada'* '*urfī*) iaitu kebiasaan masyarakat setempat dalam sesuatu urusan atau kontrak (al-Sharbini t.th). Walau bagaimanapun, para fuqaha tidak sepakat dalam menyenaraikan jenis-jenis *khiyar* secara spesifik yang termasuk di bawah jenis *khiyar al-naqisah* ini,. Ini kerana mereka berbeza pendapat dalam menerima dan menolak sesetengah jenis *khiyar* tertentu. Berdasarkan pandangan al-Ghazali (1979), jenis-jenis *khiyar* yang mewakili *khiyar al-naqisah* adalah:

- i. *Khiyar al-'ayb*
- ii. *Khiyar al-ru'yah*
- iii. *Khiyar al-wasf*
- iv. *Khiyar al-khiyanah*

Berdasarkan pembahagian oleh al-Ghazali, diperhatikan tiga daripada jenis *khiyar* tersebut, iaitu (ii,iii & iv), adalah berkaitan dengan kemungkiran kontrak, manakala hanya satu (i) yang berkaitan dengan kecacatan barang.

Berikut akan diuraikan jenis-jenis *khiyar* tersebut dengan melihat peranannya sebagai satu bentuk remedи pilihan sendiri, bagi memastikan supaya pihak-pihak dalam berkontrak melaksanakan jaminan-jaminan mereka terhadap pihak lain berkaitan pembekalan barang. Di

samping itu, faktor-faktor utama yang mendasari *khiyar* tersebut juga akan turut diberi perhatian sebagai salah satu sebab yang menjadikan kontrak tidak lazim dan boleh dibubarkan.

Khiyar al-'Ayb

Khiyar al-'ayb bermaksud hak pilihan yang diperolehi oleh pihak berkontrak dengan sebab berlaku kekurangan atau kecacatan pada objek kontrak. Kadar kekurangan atau kecacatan tersebut mestilah boleh menjelaskan nilai harga atau nilai penggunaan barang tersebut (al-Hattab 1992). Oleh itu kekurangan dan kecacatan tersebut menggambarkan terdapat unsur curang dan salah yang dilakukan oleh satu pihak sehingga menyalahi jaminannya dalam kontrak jualan barang. Secara kebiasaan penjual diminta supaya membekalkan barang yang baik dan selamat kepada pembeli. Jaminan tersebut telah wujud secara tersirat semenjak mereka memulakan kontrak jual beli. Bahkan jaminan tersebut juga telah menjadi satu keperluan dalam kontrak jualan barang kerana secara fitrahnya tidak ada pembeli yang mahu menerima barang yang cacat. Justeru apabila wujud kecacatan pada objek pertukaran, walaupun selepas sempurna *ijab* dan *qabul*, dan selepas berlaku serah terima barang, maka pihak pembeli yang terkilan masih dibenarkan untuk memulangkan barang yang cacat, atas dasar kecacatan tersebut menyalahi jaminan pihak penjual semasa ia dikontrakkan. Hak untuk memulangkan barang yang cacat berdasarkan *khiyar al-Ayb* merupakan hak yang dianugerahkan oleh syarak secara langsung kepada pihak terkilan, walaupun ia tidak dinyatakan ketika kontrak. Bahkan dalam usaha memperhebatkan perlindungan pihak yang terkilan ini, syarak hanya menggunakan ukuran yang minimum bagi menentukan wujud kecacatan, iaitu sekadar berdasarkan sangkaan (*zann*) sahaja tidak perlu sampai kepada tahap yakin (al-Ramli 1992). Semua peraturan ini, adalah bagi memastikan pihak penjual lebih bersikap tanggungjawab dan menunaikan jaminan-jaminan yang tersirat mahu pun jaminan yang nyata terhadap pihak pembeli ketika membekalkan barang kepada mereka.

Kesungguhan undang-undang Islam dalam melindungi kepentingan pembeli tidak terhad kepada mewajibkan penjual menjamin kecacatan pada barang sahaja, , bahkan sebarang syarat yang dibuat pihak penjual untuk tidak bertanggung jawab ke atas kecacatan yang berlaku juga tidak diterima oleh kebanyakan fuqaha. Para fuqaha membincangkan isu ini dalam tajuk pensyaratatan bebas kecacatan.

Menurut fuqaha Malikiyyah, jika penjual telah mensyaratkan di permulaan kontrak bahawa kontrak yang dilakukan adalah bebas dari sebarang kecacatan, sehingga pembeli tidak dibenarkan lagi menuntut hak *khiyar al-'ayb* selepas kontrak, maka syarat tersebut tidak membawa apa-apa kesan. Dengan kata lain, sekiranya pihak pembeli menerima barang yang cacat daripada penjual, dia tetap boleh memulangkan barang tersebut dan menuntut pemulangan harga bayaran yang telah dibuat, (Ibn Rushd 1999; Ibn Juzay 1975).

Walaupun terdapat beberapa pendapat lain yang membenarkan syarat tersebut dalam kontrak, tetapi keharusannya dalam keadaan yang amat khusus dan terhad. Antara keadaan tersebut seperti mana dinyatakan oleh fuqaha Malikiyyah adalah dalam kes pembelian hamba abdi yang terdapat kecacatan dan hanya diketahui selepas kontrak jual beli tersebut. Selain itu, kecacatan pada hamba tersebut juga disyaratkan kecacatan yang tersembunyi dan tidak kelihatan pada mata kasar ketika kontrak jual beli hamba tersebut dilakukan. Contohnya seperti

penyakit dalaman atau kecacatan pada anggota dalaman tertentu yang tidak diketahui termasuk oleh penjual sendiri semasa kontrak tersebut dilakukan (Ibn Juzay 1975).

Berdasarkan pendapat tersebut, syarat bebas daripada kecacatan oleh penjual terhadap pembeli, hanya boleh diterima jika ia bukan bertujuan menipu pihak lain atau sengaja untuk menyembunyikan kecacatan. Ini kerana penjual juga kadang kala tidak mengetahui wujud kecacatan pada barang tersebut semasa kontrak. Bahkan dalam usaha memperhebatkan perlindungan terhadap pembeli yang lemah, sesetengah fuqaha seperti Hanabilah langsung tidak menganggap sah syarat bebas kontrak daripada kecacatan. Dengan kata lain pihak pembeli tetap boleh memulangkan barang yang cacat serta menuntut semula bayaran yang telah dibuat sekalipun dengan terdapat syarat tersebut ketika kontrak (Ibn Juzay 1975). Justeru berdasarkan pandangan-pandangan tersebut, beberapa konsep dan amalan yang terdapat dalam kontrak jualan barang masa kini seperti *caveat emptor* tidak diterima secara mutlak dalam Islam. Ini kerana penjual juga perlu bertanggungjawab menyatakan sebarang kecacatan atau kerosakan yang terdapat pada barang sebelum ia dibeli oleh pembeli. Dengan kata lain pensyariatan *khiyar al-'ayb* menjadi satu bentuk *guarantee* yang tersirat untuk menjamin kepentingan pihak yang terkilan akibat menerima barang yang cacat dan sebagainya. Kecacatan yang berlaku pada barang jelas menyalahi *guarantee* penjual dan menyebabkan pembeli tidak berpuas hati atau rasa tertipu dengan jumlah harga yang telah dibayar untuk barang tersebut. Justeru apa-apa kecacatan yang berlaku tidak akan melepaskan pihak penjual daripada tanggungjawab serta risiko tuntutan oleh pihak pembeli (Mohd. Ma'sum Billah 2003; Niniek Mumpuni Sri Rejeki 2022).

Berdasarkan pandangan-pandangan fuqaha berkaitan pensyaratannya bebas daripada kecacatan, memperlihatkan satu bentuk perlindungan terhadap pihak yang lemah dalam berkontrak seperti pembeli, dan dalam masa yang sama menghendaki penjual supaya membekalkan barang yang baik dan selamat kepada pembeli. Sekalipun terdapat pendapat yang membenarkan penjual untuk meletakkan syarat bebas daripada kecacatan, namun keharusan syarat tersebut bukanlah bersifat mutlak sehingga boleh membawa kepada tujuan lain yang tersirat seperti menipu dan memperdayakan pihak pembeli. Sebaliknya penetapan syarat tersebut dilihat mempunyai maksud positif yang lain, iaitu untuk menguatkan lagi dakwaan penjual tentang kesempurnaan dan kesesuaian barang tersebut untuk dilakukan transaksi atau sebagai jaminan bahawa barang yang dijual itu adalah dijamin baik dan sesuai digunakan. Jika ternyata syarat yang dibuat mempunyai motif lain yang bermaksud negatif seperti untuk mempengaruhi keputusan pengguna atau menipu mereka atau ingin melepaskan tanggungjawab daripada menjamin kecacatan kepada pihak pembeli, maka para fuqaha sepakat bahawa syarat tersebut adalah tidak sah kerana ia menyalimi dan menindas pihak pembeli. Syarat tersebut juga termasuk dalam syarat yang rosak (*fasad*) dan hanya memberi keuntungan kepada sebelah pihak sahaja. Oleh yang demikian, jika penjual telah menyatakan bahawa semua syarat dan jaminan dikecualikan atau tidak akan tertanggung untuk membayar ganti rugi dalam apa jua keadaan atau kerugian ditanggung oleh pembeli, atau wang tidak akan dipulangkan atau sebagainya, maka penjual tetap dianggap masih bertanggungjawab bagi kecacatan barang tersebut jika ia terbukti satu penipuan atau perdayaan atau kemungkiran terhadap pembeli.

Akta Perlindungan Pengguna 1999 juga menekankan *guarantee* yang nyata dan tersirat daripada pihak penjual dalam sesbuah kontrak khususnya berkenaan dengan pembekalan barang pengguna. *guarantee* tersebut merupakan jaminan pihak penjual terhadap pihak

pembeli untuk melaksanakan kontrak dengan sempurna iaitu dengan membekalkan barang yang baik dan sesuai untuk tujuan kontrak. Demikian juga dalam usaha menyediakan perlindungan kepada pembeli dan pengguna daripada menerima barang yang cacat atau tidak sesuai dengan tujuan pembekalannya, Akta Perlindungan Pengguna 1999 juga telah menetapkan bahawa pihak penjual adalah menjamin secara tersirat tentang kualiti yang boleh terima dan kesesuaian barang yang dibekalkan walaupun tidak dinyatakan secara lisan atau bertulis ketika kontrak.

Namun seperkara yang agak longgar dan menggugat usaha melindungi pembeli dan pengguna di dalam akta ini ialah seksyen 40 yang memberikan pengeluar dan penjual pengecualian daripada dikenakan *guarantee* tersirat tentang “kualiti boleh terima” dalam keadaan tertentu. Keadaan tersebut ialah apabila pengeluar telah membuat representasi berkenaan barang tersebut, seperti melalui pernyataannya pada pembungkus atau label atau dengan mengepulkan kad *warranty* bersama-sama barang yang dibekalkan, maka pembeli dan pengguna boleh dinafikan hak tebus ruginya terhadap penjual (Hasri Harun et.al 2016). Dengan kata lain seksyen ini dilihat gagal mengenakan liabiliti yang lebih tegas ke atas penjual supaya mereka tetap bertanggungjawab dengan ketidaksesuaian kualiti sesuatu barang yang dibekalkan sekalipun dengan terdapatnya representasi tertentu pada barang tersebut. Ini kerana dengan pengecualian *guarantee* tersirat tersebut, ia boleh membawa maksud yang negatif dalam usaha melindungi pengguna di mana Seksyen 40 ini membataskan hak pembeli dan pengguna untuk menuntut tebus rugi dalam keadaan tersebut.

Khiyar al-Ru'yah

Khiyar al-ru'yah merupakan satu konsep yang membenarkan pihak berkontrak membuat pilihan sama ada untuk meneruskan kontrak atau membubarkannya, setelah melihat objek yang dikontrakkan. *Ru'yah* atau melihat adalah salah satu cara yang biasa untuk mengetahui sesuatu barang. Selain cara melihat, para fuqaha juga telah menetapkan cara-cara lain untuk menyabitkan hak *khiyar al-ru'yah*, seperti menghidu jika barang tersebut boleh dihidu atau menyentuh jika barang tersebut boleh disentuh dengan tangan (Ibn al-Hummam 2003). Dengan kata lain tujuan *khiyar al-ru'yah* adalah untuk memberi peluang kepada pihak berkontrak, mengulang semak keadaan sesuatu barang yang dikontrakkan, yang tidak pernah dilihat secara nyata sebelum ini supaya dipastikan ia benar-benar menepati sangkaan dan tanggapannya.

Sama seperti lain-lain jenis *khiyar*, *khiyar al-ru'yah* juga menjadikan hukum kontrak tidak mengikat dalam tempoh *khiyar* tersebut. Ketidakterikatan ini bagi mengelak kemungkinan berlaku kesilapan di mana barang tersebut tidak memenuhi ciri-ciri seperti yang disangkakan oleh pihak pembeli setelah dia benar-benar melihat dengan matanya. al-Sanhuri (t.th) menjelaskan asas kepada tuntutan hak *khiyar al-ru'yah* ialah kesilapan (*ghalat*) dalam memerihal sesuatu benda yang tidak sama seperti dilihatnya. Hak *khiyar al-ru'yah* diperolehi secara langsung oleh pembeli, sekalipun tidak disyaratkan secara nyata ketika kontrak. Ini kerana dakwaan terdapat kesilapan oleh pembeli lebih diterima oleh syarak tanpa memerlukan kepada bukti ataupun sumpah daripadanya. Oleh itu jika seseorang penjual menjual sesuatu barang kepada pembeli tanpa memperlihatkan kepadanya terlebih dahulu, penjual perlu menanggung risiko ia dibubarkan oleh pembeli menerusi hak *khiyar al-rukayah* ini. Dengan

kata lain hak *khiyar al-ru'yah* ini menjadi satu bentuk jaminan yang tersirat yang melindungi tanggapan pembeli daripada tersilap, setelah dia melihat objek jualan yang tidak diperlihatkan kepadanya oleh penjual sebelum ini.

Akta Perlindungan Pengguna 1999 juga turut melindungi tanggapan dan gambaran seseorang pembeli yang belum melihat barang yang dikontrakkan. Seksyen 35 mensyaratkan barang yang dibekalkan secara sampel atau modelnya, mestilah menepati seperti mana gambaran yang ditunjukkan oleh sampel atau modelnya. Justeru berdasarkan peruntukan ini, penjual dipertanggungjawabkan dengan apa-apa maklumat berkenaan barang yang disalurkan kepada pembeli sehingga membentuk satu tanggapan yang salah dipihak mereka. Contohnya seperti iklan-iklan, promosi-promosi dan kenyataan-kenyataan yang berlebihan dan tidak benar tentang sesuatu barang, sehingga membentuk tanggapan salah pengguna terhadapnya, adalah perbuatan curang yang memberikan pengguna hak untuk menuntut ganti rugi dan sebagainya (Muhammad Hafiz Mohd Shukri & Ruzian Markom 1999).

Walau bagaimanapun jaminan perlindungan terhadap barang yang tidak berada dan tidak dilihat semasa kontrak, hanya diberikan jika barang tersebut telah disifatkan ciri-cirinya oleh penjual, atau telah dilihat oleh pembeli sebelum ini, atau telah disyaratkan oleh pembeli hak *khiyar* apabila dia melihatnya (Ibn Rushd t.th). Ketiga-tiga syarat ini merupakan syarat bagi jualan barang yang tidak berada bersama ketika majlis kontrak. Dengan kata lain, menjual sesuatu barang yang tidak berada bersama ketika kontrak tetap sah. Sebab ia tetap dihukum sah kerana ketidakjelasan yang berkaitan dengan sifat barang adalah tidak terlalu besar menurut fuqaha berbanding ketidakjelasan yang berkaitan kewujudan barang (al-Kasani 1996). Justeru setelah pembeli melihatnya dan mendapati ia menepati syarat-syarat tersebut, maka kontrak tersebut menjadi lazim. Tetapi jika ia tidak menepati syarat-syarat tersebut, maka pembeli boleh memilih hak *khiyar al-ru'yah* sama ada meneruskan kontrak atau membubarkannya mengikut mana yang lebih menjamin kepentingannya (Malik 1999).

Contoh bagi aplikasi *khiyar al-ru'yah* dalam jualan barang masa kini seperti jualan melalui atas talian bagi barang yang tidak pernah dilihat secara berhadapan oleh pembeli sebelum ini. Setelah barang tersebut sampai kepada pembeli dan dia melihat barang tersebut menepati ciri-ciri yang digambarkan sebelum ini, maka dia boleh memilih untuk menjadikan kontrak tersebut mengikat. Tetapi jika ia tidak menepati ciri-cirinya, maka pembeli berhak untuk memilih membubarkan kontrak tersebut (Peti Savitri 2020). Bagi tidak membebangkan pembeli dan pengguna yang memilih untuk membubarkan kontrak, Akta Jualan Barang 1957 tidak mengikat kewajipan pembeli untuk memulangkan barang berkenaan jika dia memilih untuk membubarkan kontrak tersebut. Sebaliknya akta tersebut hanya mewajibkan pembeli membayangkan kepada penjual bahawa dia telah menolak untuk menerima setelah menerimanya daripada penjual.

Khiyar al-Wasf

Khiyar al-wasf bermaksud hak pilihan untuk membubarkan kontrak kerana sifat atau ciri-ciri tertentu pada objek kontrak yang dipersetuju ketika kontrak telah tidak dipenuhi (Ibn al-Hummam 2003). Oleh itu, *khiyar al-wasf* berkaitan dengan jualan secara sifat atau perihal di mana barang tersebut belum ada dalam majlis ketika kontrak. Jualan secara perihal (*mawsuf*

fi al-dhimmah) adalah dibenarkan dalam Islam di samping jualan barang yang telah wujud nyata (*'ayn mushahadah*) dalam majlis kontrak. Walau bagaimanapun keharusan jualan secara perihal ini terikat dengan syarat-syarat tertentu yang dikenakan kepadanya untuk mengelak daripada terlibat dengan unsur-unsur terlarang seperti *gharar* dan *jahalah* (al-Bayjuri 2003).

Contohnya, jualan hadapan (*bay' al-salam*), telah dikenakan syarat-syarat tambahan yang melebihi jualan secara biasa. Antaranya mestilah dinyatakan sifat barang, diketahui jenis dan kadarnya, ditentukan masa penerimaannya dan sebagainya yang tidak diperlukan dalam jualan biasa (al-Khinn 2007). Justeru pembeli dan penerima yang terkilan akibat menerima barang yang tidak memenuhi ciri-ciri yang diperihalkan tersebut boleh menggunakan hak *khiyar al-wasf* atas sebab barang yang tidak memenuhi ciri-cirinya. Syarat-syarat tambahan ini dilihat sebagai satu bentuk liabiliti yang lebih tegas ke atas pihak penerima tawaran (penjual) dalam usaha memastikan supaya tidak ditambah lagi unsur-unsur *gharar* dan *jahalah* yang baharu dalam kontrak yang telah sedia ada kedua-dua unsur tersebut. Semua usaha-usaha ini adalah untuk melindungi pembuat tawaran (pembeli) memandangkan mereka telah mendahului harga tunai dalam jualan *salam* serta sanggup menunggu suatu tempoh waktu tertentu untuk mendapatkan barang yang diinginkan dengan ciri-ciri yang telah disepakati ketika kontrak (Dafiqah Hasanah et.al 2019). Justeru amatlah wajar kehendak dan pengorbanan mereka dihormati serta dilindungi.

Begitu juga termasuk dalam contoh jualan secara perihal ialah menjual secara katalog iaitu berdasarkan jenis, ciri atau bentuk yang dipaparkan di dalamnya. Para fuqaha mengharuskan jualan seperti ini dengan syarat barang yang diterima menepati barang yang diperihalkan oleh katalog tersebut. Menurut sesetengah fuqaha Hanafiyyah seperti al-Zayla'i (2000), keharusan jual beli seperti ini adalah berdasarkan hukum *qiyas* dan hukum '*urf*. Menjual secara menggunakan katalog boleh diqiyaskan dengan perbuatan pembeli melihat sebahagian barang yang telah disediakan untuk dijual. Hukum melihat sebahagian barang tersebut sudah memadai kerana kebiasaan unit barang-barang yang dipamerkan dalam katalog tersebut tidak berbeza antara satu sama lain. Justeru melihat sebahagian unitnya telah dapat memberi maklumat yang cukup kepada pembeli tentang ciri-ciri atau mutunya. Kecuali jika ia menyalahi kebiasaan, seperti unit-unit barang yang tidak dilihatnya amat berbeza dari segi ciri atau kualitinya berbanding unit yang telah dilihat. Dalam keadaan tersebut pihak pembeli dibenarkan hak *khiyar al-wasf* kerana barang tidak menepati dengan ciri-ciri yang ditunjukkan dalam katalog.

Justeru aplikasi hak *khiyar al-wasf* dalam kontrak jualan barang adalah untuk melindungi pihak pembeli daripada penipuan dan kesalahan dalam membekalkan barang secara tidak menepati syarat-syarat seperti yang dipersetujui ketika kontrak. Dengan kata lain, melalui hak *khiyar al-wasf*, pihak penjual telah menyediakan jaminannya secara tersirat berhubung pembekalan barang iaitu tidak membekalkan barang yang tidak menepati gambaran dan ciri-ciri yang ditunjukkan. Kegagalan pihak penjual memenuhi jaminan tersebut adalah suatu kemungkinan terhadap gambaran atau ciri-ciri yang diperlihatkan semasa kontrak. Ekoran kemungkinan tersebut syarak memberikan hak kepada pihak pembeli untuk memilih sama ada meneruskan kontrak atau sebaliknya. Bagaimanapun terdapat syarat-syarat tertentu yang diletakkan oleh para fuqaha bagi membolehkan pembeli mendapatkan hak *khiyar al-wasf*. Syarat-syarat tersebut adalah berkaitan secara langsung dengan syarat sifat-sifat atau ciri-ciri tertentu iaitu (al-Kasani 1996; al-Nawawi 1976; Ibn Qudamah 1996):

- i. Sifat atau ciri yang diharuskan dan bukan merupakan sifat yang dilarang. Contoh sifat yang terlarang seperti mensyaratkan hanya akan melakukan transaksi dengan barang tiruan atau barang yang dicuri atau barang yang menyalahi perundangan negara. Syarat-syarat atau sifat-sifat seperti itu tidak boleh dipatuhi.
- ii. Sifat atau ciri yang diterima oleh adat dan masyarakat. Kebiasaannya sifat yang diterima oleh adat dan masyarakat ialah sifat yang menjadikan nilai barang tersebut bertambah atau bertepatan dengan objektif barang tersebut. Oleh itu syarat kedua ini melengkapkan syarat pertama di atas.
- iii. Sifat atau ciri yang tidak mengandungi unsur *gharar* iaitu ketidakpastian. Sifat atau ciri yang mempunyai *gharar*, tidak dapat dipastikan berlakunya selepas ia dikontrakkan.

Khiyar al-Khiyanah

Khiyar al-khiyanah berkaitan dengan pemberitahuan harga asal atau harga kos yang tidak betul dalam kontrak jualbeli berbentuk amanah. Jualan berbentuk amanah ialah sejenis kontrak dalam Islam di mana harga asal atau harga kos bagi pembelian sesuatu barang diberitahu secara jujur oleh penjual kepada pembeli. Terdapat risiko penipuan harga asal oleh pihak penjual dalam jualan berbentuk amanah. Contohnya penjual menyatakan secara tidak jujur harga asal lebih tinggi dalam jualan *murabahah* bertujuan memperlihatkan seolah-olah dia hanya mengambil kadar keuntungan yang kecil, atau penjual menyatakan harga diskaun yang banyak ditawarkan kepada pembeli dalam jualan *hatitah* seolah-olah memperlihatkan bahawa dia tidak mengambil keuntungan yang banyak, atau penjual menipu pembeli dengan harga kos dalam jualan *tawliyyah* seolah-olah beliau tidak mengambil sebarang keuntungan dalam jual beli tersebut. Pemalsuan terhadap harga asal tersebut mempunyai niat untuk menipu pihak pembeli yang telah memberikan kepercayaan mereka kepada penjual memberitahu harga asal dalam kontrak berbentuk amanah tersebut.

Daripada gambaran tersebut, penipuan dalam menyebut harga asal merupakan punca ketidakamanahan pada kontrak berkenaan. Akibat ketidakamanahan tersebut, pihak pembeli dibenarkan *khiyar al-khiyanah* sebagai jaminan terhadap haknya walaupun selepas berlaku serah terima dalam kontrak tersebut dan selepas mereka berpisah daripada majlis tersebut. Secara umumnya, bentuk-bentuk ketidakamanahan atau khianat terhadap harga asal boleh dibahagikan kepada dua, di mana kedua-duanya mempunyai contoh dan hukum yang tersendiri iaitu:

- i. khianat yang berlaku pada sifat harga asal, dan
- ii. khianat yang berkaitan dengan pernyataan kadar harga asal.

Contoh khianat yang berkaitan dengan harga asal seperti suatu barang yang dibeli secara harga tangguh -kebiasaannya harga tertangguh lebih tinggi daripada harga tunai-, kemudian dijual secara *murabahah* tanpa memberitahu pembeli bahawa harga asal tersebut adalah harga tangguh. . Dalam keadaan tersebut majoriti fuqaha Hanafiyyah (al-Kasani 1996), Shaf'iyyah (al-Nawawi 1976) dan Hanabilah (Ibn Qudamah 1996) membenarkan pembeli memilih hak *khiyar al-khiyanah*, kerana kepercayaan pembeli tentang harga asal telah dikhianati oleh

penjual, dengan tidak memberitahu bahawa harga tersebut adalah harga secara tangguh. Implikasi daripada harga secara tertangguh yang lebih tinggi, ialah berlaku tanggapan salah daripada pihak pembeli terhadap kadar keuntungan yang diambil oleh penjual dalam jualan *murabahah*. Justeru para fuqaha mewajibkan penjual memberitahu harga asal secara jelas dalam jualan secara *murabahah* sama ada ia harga tunai atau harga tangguh. Ini bagi memberikan maklumat yang tepat kepada pembeli tentang harga asal dan melindungi mereka daripada perbuatan manipulasi harga asal oleh pihak penjual yang boleh menyebabkan pembeli tertipu dengan kadar keuntungan yang dinyatakan dalam kontrak (Burhan Ali Shah & Ghulam Shabbir Khan Niazi 2019).

Manakala contoh khianat berkaitan pernyataan kadar harga asal seperti penjual membohongi pembeli dengan memberitahunya kadar harga asal yang tidak sebenar dalam jualan *murabahah* atau *tawliyyah*. Menurut fuqaha Hanafiyyah (al-Kasani 1996), pernyataan harga asal yang tidak benar dalam jualan secara *murabahah* adalah satu penipuan dan ia dianggap sebagai memungkiri amanah tersebut. Justeru pembeli yang tertipu boleh menuntut haknya untuk membubarkan kontrak tersebut dan meminta dipulangkan harga yang telah dibayar. Tetapi dalam jualan secara *tawliyyah* pembeli tidak dibenarkan menuntut hak *khiyar al-khiyanah*, sebaliknya pembeli hanya boleh menggugurkan harga asal yang tidak benar tersebut dan digantikan dengan harga asal baru yang benar. Contohnya penjual memberitahu pembeli harga asal secara tidak benar RM10 yang ditawliyyahkan kepada pembeli. Tetapi ternyata harga asal yang sebenar hanyalah RM8 sahaja. Justeru kontrak *tawliyyah* tersebut berasaskan harga asal yang baru (yang benar) iaitu RM8 dan bukan lagi harga asal yang lama (tidak benar) iaitu RM10.

Menurut fuqaha Hanafiyyah sebab berlaku perbezaan hukum antara *murabahah* dan *tawliyyah*, ialah kerana khianat pada harga asal dalam *murabahah* tidak mengeluarkan kontrak tersebut daripada objektifnya iaitu mendapatkan keuntungan. Lebihan harga jualan daripada harga asal yang merupakan keuntungan *murabahah* tetap berlaku walaupun dengan terdapat unsur penipuan dan khianat. Oleh kerana kewujudan khianat dalam *murabahah* biasanya menjadikan harga belian yang ditanggung oleh pembeli lebih tinggi, maka pembeli dibenarkan membuat pilihan sama ada membubarkan kontrak atau menanggung dan meneruskannya

Sebaliknya khianat pada harga asal dalam jualan secara *tawliyyah* mengeluarkan kontrak tersebut daripada makna dan objektifnya. Ini kerana kontrak yang dinyatakan sebagai *tawliyyah* telah tidak berlaku pada harga yang sama dengan harga asal. Sebaliknya berlaku dengan suatu harga kos yang terdapat penipuan padanya. Justeru ia dianggap tidak terbentuk dengan sebab unsur khianat dalam menyatakan harga asal tersebut. Seandainya dibenarkan hak *khiyar al-khiyanah* kepada pembeli, seolah-olahnya telah terjadi kontrak kedua (yang baharu) dengan harga lain (yang baharu), sedangkan pembeli tidak menyatakan persetujuan serta keredaannya dengan harga lain (baharu) selain harga yang dinyatakan ketika kontrak. Tambahan pula harga baharu tersebut adalah berdasarkan khianat dan penipuan oleh pihak penjual (al-Kasani 1996). Justeru kontrak kedua yang dilakukan tanpa persetujuan pembeli adalah terbatal.

Walau bagaimanapun pendapat sebahagian fuqaha Shafi'iyyah (al-Sharbini t.th) dan Hanabilah (Ibn Qudamah 1996) tetap membenarkan hak *khiyar al-khiyanah* kepada pembeli apabila berlaku penipuan pada harga asal dalam jualan secara *murabahah* mahupun *tawliyyah*. Alasan mereka membenarkan hak *khiyar* tersebut dalam kedua-dua bentuk jualan ini adalah

bagi memastikan jaminan yang lebih meluas terhadap hak pembeli secara khusus dalam jualan yang dilakukan secara amanah tersebut. Ini kerana secara umumnya pembeli tidak dianggap reda dengan kontrak tersebut kecuali pada kadar harga asal yang sebenar. Justeru sebarang unsur khianat terhadap harga asal menjadikan kontrak tidak lazim. Oleh yang demikian pembeli berhak untuk memilih sama ada meneruskan kontrak tersebut atau membubarkannya. Keputusan membenarkan hak *khiyar al-khiyanah* dalam kedua-dua jenis jualan ini, dilihat sebagai langkah syarak untuk memastikan pihak penjual secara khususnya, supaya mewujudkan sesebuah kontrak yang bersih daripada unsur penipuan atau khianat, kerana faktor amanah terhadap harga asal amat ditekankan dalam jualbeli jenis ini.

Jualan berbentuk amanah tidak disentuh dalam undang-undang kontrak moden yang berkaitan jualan barang. Justeru tidak terdapat peruntukan yang khusus mengenainya. Walau bagaimanapun Akta Perlindungan Pengguna 1999 secara umum mensyaratkan wujud suatu *guarantee* tersirat mengenai harga yang kena dibayar oleh pembeli, iaitu harga yang tidak melebihi harga yang munasabah bagi barang tersebut. Menurut akta tersebut, harga munasabah ditentukan melalui salah satu cara berikut:

- a. ditentukan melalui kontrak
- b. dibiarkan ditentukan dengan cara yang dipersetujui melalui kontrak
- c. dibiarkan ditentukan mengikut perjalanan urusan antara pihak-pihak yang berkontrak.

Kegagalan pihak penjual mematuhi *guarantee* tersirat harga munasabah tersebut memberikan hak kepada pembeli untuk enggan membayar lebih daripada harga yang munasabah tersebut. Walau bagaimanapun pembeli tidak mempunyai hak untuk membubarkan kontrak dengan sebab ketidakmunasabahan harga tersebut. Oleh itu pihak pembeli dalam undang-undang, tidak memiliki hak *khiyar* atau hak fasakh dalam kontrak seperti itu, seperti mana yang dibenarkan dalam undang-undang Islam dalam melindungi hak dan kepentingan mereka.

Kesimpulan

Remedi pilihan sendiri adalah diantara bentuk-bentuk perlindungan yang ditawarkan oleh Islam di peringkat ini, untuk memastikan keadilan terhadap pihak yang lemah terjamin, dengan melindungi hak mereka daripada bentuk-bentuk kemungkiran yang hanya diketahui selepas kontrak. Para fuqaha telah membincangkan beberapa bentuk remedii yang boleh dijadikan remedii pilihan sendiri oleh pihak yang terkilan untuk menuntut tebus rugi, antaranya adalah *al-khiyar*.

Konsep *al-khiyar* dalam kontrak adalah suatu hak dibenarkan kepada pihak yang terkilan dalam berkontrak untuk memilih sama akan meneruskan kontrak tersebut atau mengambil tindakan tebus rugi di atas kecacatan atau kemungkiran yang berlaku ke atasnya dalam kontrak tersebut. Kepelbagaijenis jenis *al-khiyar* dalam Islam memperlihatkan kesungguhan syariat Islam untuk melindungi kesucian kontrak serta kepentingan pihak berkontrak pada setiap peringkat kontrak sama ada sebelum/ ketika kontrak atau selepasnya. Walau apa pun *al-khiyar* adalah suatu remedii pilihan sendiri yang boleh diambil langsung oleh pihak yang terkilan tanpa melalui proses perundangan yang panjang di mahkamah.

Kajian ini mengenal pasti empat jenis *al-khiyar* sebagai remedи pilihan sendiri yang bertindak melindungi kepentingan pihak berkontrak selepas kontrak, iaitu: *khiyar al-ayb*, *khiyar al-rukyah*, *khiyar al-wasf* dan *khiyar al-khiyanah*. Masing-masing mempunyai peranan untuk melindungi pihak berkontrak sama ada daripada faktor kemungkiran atau faktor kecacatan dalam berkontrak.

Para fuqaha mempunyai pelbagai pandangan dalam membincangkan konsep-konsep *khiyar* tersebut. Namun mereka bersetuju bahawa tujuan pensyariatannya adalah untuk melindungi pihak-pihak yang lemah dalam berkontrak dan sentiasa terdedah kepada manipulasi pihak yang kuat. Justeru dalam menyabitkan wujud kecacatan yang memboleh seseorang *khiyar al-ayb*, hanya sekadar *zann* yang tidak sampai ke tahap yakin. Malah persyaratan bebas daripada kecacatan juga tidak diterima oleh sesetengah fuqaha. Dengan itu Islam berbeza dengan konsep *caveat emptor* dalam undang-undang kontrak moden yang membenarkan secara tersirat kepada satu pihak untuk membebaskan diri daripada tuntutan kecacatan dengan menjadikan tanggungjawab menyelidiki dan menilai kecacatan sepenuhnya kepada pihak lain.

Begitu juga perlindungan pihak berkontrak dalam jualan secara talian pada masa kini amat signifikan dengan perbincangan ulama mengenai *khiyar al-ru'yah* dan *khiyar al-wasf*. Bagaimanapun terdapat syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh para fuqaha untuk mendapat hak *khiyar* tersebut.

Manakala khianat atau perbuatan tidak jujur iaitu manipulasi dalam menyatakan harga asal atau harga kos dalam jualan secara amanah, seperti *murabahah*, memberikan *hak khiyar al-khiyanah* kepada pihak yang terkilan untuk memilih antara meneruskan atau membubarkan kontrak tersebut. Para fuqaha mempunyai perincian yang panjang mengenai hukum-hukumnya. Walau bagaimanapun jualan secara amanah ini tidak terdapat dalam undang-undang kontrak moden. Justeru ia tidak dibincangkan di dalamnya.

Dengan adanya remedи seperti *al-khiyar* ini, ia dapat memperbaiki ketidakseimbangan kuasa dan kedudukan di antara pembeli dengan pihak penjual yang seringkali menjadi punca kepada masalah eksloitasi hak pihak yang lemah dalam kontrak jualan barang. Pembeli yang kebanyakannya tergesa-gesa semasa membeli, mudah terpedaya dengan iklan dan tawaran serta kurang bermaklumat tentang barang, seringkali mudah untuk memasuki sesuatu transaksi tetapi kurang memikirkan risiko atau kesan yang ditanggung selepas transaksi tersebut. Justeru di atas sikap-sikap pembeli tersebut, dirasakan perlu diberi perlindungan terhadap mereka dari permulaan membentuk kontrak sehingga ke peringkat selepas berkontrak. Dengan itu, sebarang kecurangan kontrak walaupun hanya diketahui selepas berkontrak, tetap tidak akan terlepas dengan tanggungjawab mereka dalam menawarkan barang yang bermutu dan sesuai dengan keperluan pengguna. Melalui mekanisme-mekanisme perlindungan di peringkat ini, adalah diharapkan ia dapat membentuk kawal selia kendiri (*self regulation*) kepada pihak pengeluar dan penjual agar mereka lebih berhati-hati dalam menunaikan tanggungjawab dan kebijakan mereka terhadap pihak yang lemah.

Rujukan

Akta Jualan Barang 1957

Akta Kontrak 1950

Akta Perlindungan Pengguna 1999

- Amir Husin Mohd Nor, Amir Shaharudin, Mohamad Zaharuddin Zakaria, Ahmad Zaki Salleh, Mualimin Mohammad Sahid, Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaid, Muhamad Firdaus Ab Rahman, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, & Mohd Afiq Ab. Jalil, 2020. Rectification Of *Uqud al-Fasidah* (Void Contracts) In Islamic Financial Institutions. *Journal of Fatwa Management and Research* (JFATWA). Vol 20, no 1. 53-63
- Burhan Ali Shah & Ghulam Shabbir Khan Niazi 2019. Issues in Contemporary Implementation of Murabaha. *Turkish Journal of Islamic Economics* (TUJISE). Vol 6(2), 1-24
- al-Bayjuri, Ibrahim 2003 *Hashiyah al-Bayjuri ‘ala Matn al-Iqna’*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Cheong May Fong 2004 *Remedi-Remedi Bagi Kemungkiran Kontrak di Malaysia*. Petaling Jaya: Thomson Asia PTE. LTD
- Dafiqah Hasannah, Mulyadi Kosim & Suyud Arif 2019. Konsep al-khiyar Pada Jual Beli Pre Order Online Shop Dalam Perspektif Hukum Islam. *Jurnal Iqtishoduna*: Vol. 8 No. 2, 249-260
- al-Fayruz Abadi, Majd al-Din Muhammad bin Ya‘qub 1987 *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Muassasah al-Risalah
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Hujjah al-Islam, 1979 *al-Wajiz*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah
- Graham Virgo 2015. *The Principles of The Law of Restitution* (3rd Edition). UK: Oxford University Press
- Hammad, Nazih 1993 *Mu‘jam al-Mustalahat al-Iqtisadiyyah fi Lughah al-Fuqaha’*. USA: The International Institute of Islamic Thought
- Hasri Harun, Shofian Ahmad & Ruzian Markom 2016. Prinsip al-khiyar Dalam Jualan Barang: Kajian Terhadap Akta Kontrak 1950 (Akta 136). *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* (UMRAN). Vol 1 Issue 2016 (35-44)
- al-Hattab, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Muhammad ‘Abd al-Rahman al-Maghribi, 1992 *Mawahib al-Jalil Sharh Mukhtasar al-Khalil*. Beirut: Dar al-Fikr
- Ibn Abidin, Muhammad Amin Afandi 1979, *Hashiyah Radd al-Mukhtar ‘ala Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr
- Ibn al-Hummam, Muhammad bin ‘Abd al-Wahid, 2003, *Sharh Fath al-Qadir*. Riyadh: Dar al-Alam al-Kutub
- Ibn Juzay, Muhammad bin Ahmad, 1975, *Qawanin al-Ahkam al-Shar‘iyyah wa Masa’il al-Furu‘ al-Fiqhiyyah*. Mesir: ‘Alam al-Fikr
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad ‘Abd Allah SWT bin Ahmad bin Muhammad 1996, *al-Mughni*. Kaherah: Dar al-Hadith
- Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad, 1999 *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi
- Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad t.th, *al-Muqaddimat al-Mumahhidat li Bayan ma Iqtadathu Rusum al-Mudawwanat min al-Ahkam al-Shar‘iyyah wa al-Tahsilat al-Mahkamat al-Shar‘iyyah li Ummahat Masa‘iluha al-Mushkilat*. Mesir: Matba‘ah al-Sa‘adah
- Jamal Abd al-Nasir 1966 *Mawsu‘ah al-Fiqh al-Islami al-Muqarin*. Mesir: al-Majlis al-‘A‘la li al-Shu‘un al-Islamiyyah
- al-Kasani, Abu Bakr bin Mas‘ud, 1996, *Badai‘ al-Sanai‘ fi Tartib al-Sharai‘*. Beirut: Dar al-Fikr

- al-Khinn Mutafa *et.al* 2007, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Madhab al-Imam al-Shafi’i*,. Damsyik: Dar al-Qalam
- Mohd. Ma’sum Billah 2003. *Islamic Law of Trade and Finance: a selection of issues*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers
- Muhammad Hafiz Mohd Shukri & Ruzian Markom 1999. Pengharmonian Prinsip al-khiyar Al-Ru’yah Dalam Transaksi Perniagaan Di Malaysia. *Jurnal Kanun* Vol 25 Isu 2, 185-204
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din bin Sharaf al-Dimashqi, 1976, *al-Majmu ‘Sharh al-Muhaddhab*. Mesir: Idarah al-Tiba‘ah al-Muniriyyah
- Peti Savitri 2020. Khiyār, Consumer Protection, and Production Continuity in e- Commerce Transactions: Hadith Perspective. *Journal of Islamicate Studies*, Vol. 3 No. 1, 2020, 39-46
- al-Qarafi, Abu ‘Abbas Ahmad bin Idris bin ‘Abd al-Rahman **2003**, *al-Furuq*. Riyadh: Dar al-Alam al-Kutub
- al-Ramli, Shams al-Din Muhammad bin Abu ‘Abbas Ahmad bin Hamzah Ibn Shihab al-Din al-Masri, **1992**, *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath
- al-Sanhuri, ‘Abd al-Razzaq, t.th, *Masadir al-Haqq fi al-Fiqh al-Islami*. Beirut: al-Majma’ al-‘Ilmi al-‘Arabi al-Islami, Mansurat Muhammad al-Dayah
- Siti Norfaizah Azizan. 2020. Salahnyataan dalam Urusan Sewa Beli Tiga Segi: Hak dan Remedi Pengguna. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*. Vol 27. 64-75
- Niniek Mumpuni Sri Rejeki 2022 Overview of The Concept of al-khiyar al-Aib in e-Commerce Practice. *JHSS (Journal of Humanities and Social Studies)*. Volume 06, Number 02, July 2022, 218-225
- al-Sharbini, Muhammad al-Khatib, t.th, *Mughni al-Muhtaj Illa Ma‘rifah Ma‘ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr
- Stone, Richard, 1997, *Perinciples of Contract Law (Third Edition)*. London: Cavendish Publishing Limited
- al-Zayla’i, Fakhr al-Din Ali Ibn Ibrahim, 2000, *Tabyin al-Haqa’iq*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah
- al-Zuhayli, Wahbah, 2010, *al-Fiqh al-Islami wa Adillathu*. Damsyik: Dar al-Fikr.